



## KEBEBASAN BERAGAMA – AJARAN DEMOKRASI!

Antara tiang utama ajaran demokrasi adalah kebebasan. Demokrasi mengajar bahawa manusia memiliki empat jenis kebebasan iaitu kebebasan beragama (berakidah), kebebasan bersuara, kebebasan bertingkah laku dan kebebasan kepemilikan. Tidak ada konsep halal dan haram dalam ajaran demokrasi di mana kesemua bentuk kebebasan itu boleh diamalkan (malah mesti dihormati) asalkan tidak mengganggu hak sama rata orang lain di dalam mengamalkannya. Bagi Muslim pencinta demokrasi, dengan menganggap bahawa demokrasi adalah sebuah sistem yang terbaik yang ada buat masa ini, mereka sering mencari dalil/nas untuk membuktikan bahawa apa yang diajar oleh demokrasi tidak bercanggah dengan Islam. Malah mereka tanpa segen silu dan tanpa rasa bersalah, meletakkan bahawa demokrasi adalah selari dengan ajaran Islam. Untuk itu, maka dicarilah nas-nas yang membuktikan bahawa ajaran demokrasi itu selaras, malah ada yang mengatakan bahawa ia diambil dari ajaran Islam itu sendiri! Hal ini dirancarkan lagi dengan adanya golongan yang berfahaman Liberal, yang sering menafsirkan ayat-ayat Al-Quran mengikut kehendak dan hawa mereka dalam rangka menyebarkan kefahaman songsang mereka bahawa kebebasan dalam demokrasi tidak bercanggah dengan Islam. Golongan Liberal ini begitu mengagungkan idea hak asasi manusia sehingga mereka berani menyatakan bahawa setiap manusia bebas untuk melakukan apa sahaja sesuai dengan hak asasi walau ke tahap menukar agama sekalipun. Mereka kemudian memetik ayat-ayat Al-Quran, antaranya Surah al-Baqarah:256 bagi membenarkan hujah mereka. Sautun Nahdhah kali ini *Insyallah* akan menjelaskan ayat ini sekali gus menjelaskan penyesatan pemikiran yang telah dilakukan oleh kelompok ini.

### Tafsir Ayat

Allah SWT berfirman, *“Tidak ada paksaan di dalam (memasuki) agama (Islam). Sesungguhnya telah jelas jalan yang benar dari jalan yang sesat. Kerana itu, siapa yang mengingkari Thaghut dan mengimani Allah, sesungguhnya ia telah berpegang pada tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”* [TMQ al-Baqarah (2):256]. Dari sesi *sabab an-nuzul* (sebab penurunan) ayat ini, Muhammad bin Ishaq menuturkan dari Ibnu Abbas bahawa ayat ini turun kepada seorang Ansar dari Bani Salim bernama al-Husaini. Beliau memiliki dua orang anak yang beragama Nasrani sedangkan beliau sendiri adalah seorang Muslim. Lalu beliau berkata kepada Rasulullah SAW, *“Apakah tidak aku paksa sahaja keduanya (untuk masuk Islam) kerana mereka enggan kecuali menjadi Nasrani.”* Allah SWT kemudian menurunkan ayat ini menjelaskan perkara tersebut (Tafsir Ibnu Katsir)

Firman Allah *La ikraha fi al-deen* [tidak ada paksaan di dalam (memasuki) agama (Islam)] di mana makna *al-ikrah* (paksaan), sebagaimana dituturkan al-Baidhawi adalah, mewajibkan orang lain melakukan suatu perbuatan, sementara orang yang dipaksa itu tidak melihat kebaikan di dalamnya tatkala ia membawanya (Al-Baidhawi, *Anwar at-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Jilid 1, ms 135). Adapun *ad-deen* yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah *deen al-Islam* (Ath-Thabari, *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*, Jilid 3, ms 19). Walaupun berbentuk pernyataan, yakni menafikan pemaksaan dalam agama, ia mengandungi makna larangan (Al-Alusi, *Ruh al-Ma'ani* Jilid 2). Ertinya, ayat ini melarang tindakan memaksa orang kafir untuk masuk ke dalam *deen al-Islam*. Kesimpulan demikian juga disampaikan oleh ramai *mufassirin* (ahli tafsir) seperti Ibnu Jarir al-Thabari, Ibnu Katsir, al-Samarqandi dan al-Jazairi.

Meskipun tidak boleh memaksa orang-orang kafir masuk ke dalam agama Islam berdasarkan ayat ini, namun dalam beberapa ayat lainnya terdapat kewajipan perang untuk menghadapi orang-orang kafir dan munafik [lihat at-Taubah (9):73, at-Tahrim (66):3 dan lain-lain). Akan tetapi, perang itu harus dihentikan ketika mereka bersedia menjadi kafir *dzimmi* (kafir warganegara yang tunduk kepada pemerintahan Islam) dan membayar *jizyah* [lihat at-Taubah (9):29]. Maksud “kafir” merangkumi siapa sahaja yang beragama selain Islam sama ada Majusi, Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani), Buddha, Hindu, Sikh, ateis dan lain-lain. Suatu ketika Umar ra. menyebut tentang kaum Majusi, lalu ia berkata, *“Aku tidak tahu bagaimana memperlakukan mereka.”* *Abdurrahman bin Auf* kemudian berkata, *‘Aku bersaksi bahawa aku benar-benar mendengar Rasulullah SAW bersabda, ‘Perlakukanlah mereka (yakni penganut Majusi) sebagaimana perlakuan terhadap Ahli Kitab’* [HR Malik].

Oleh itu, dalam hal memeluk *deen al-Islam*, orang-orang kafir tidak boleh dipaksa untuk melakukannya. Namun demikian, terdapat satu pengecualian kepada hal ini yakni khusus untuk kaum musyrikin Arab, mereka tidak diberi pilihan kecuali hanya masuk Islam. Jika menolak, mereka mesti diperangi [lihat al-Fath (48):16] (Taqiyuddin an-Nabahani, *Asy-Syakhshiyah al-Islamiyyah*, Jilid 3, ms 31). Qatadah dan Atha' juga mengatakan bahawa orang Arab tidak diterima dari mereka kecuali Islam (lihat al-Baghawi, *Ma'alim at-Tanzil*, Jilid 1 ms 180; al-Thabari, *Jami' al-Bayan*, Jilid 3, ms 18-19).

Perlu diperhatikan dan difahami dengan benar, bahawa larangan paksaan itu hanya berlaku dalam memasuki Islam, yakni orang kafir (selain musyrik Arab) tidak boleh dipaksa untuk masuk Islam. Berbeza halnya apabila seseorang kafir itu sudah masuk Islam (menjadi Muslim) dan hendak keluar dari Islam (murtad). Hal ini sama sekali tidak dibenarkan dan tidak termasuk dalam pengertian ayat di atas. Islam mewajibkan pemeluknya untuk tetap berada di dalam Islam. Apabila ada yang hendak keluar atau murtad dari agamanya (Islam), maka Islam akan menjatuhkan hukuman yang sangat berat kepada pelakunya,

yakni hukuman bunuh (mati). Hukuman mati ini wajib dijatuhkan apabila pelakunya tetap berkeras mahu murtad meskipun sudah diminta bertaubat dan diberi tempoh waktu untuk kembali ke pangkuan Islam. Rasulullah SAW bersabda, *“Siapa sahaja yang menukar agamanya, maka bunuhlah ia”* [HR Bukhari, Ahmad, Abu Daud, at-Tirmizi, al-Nasa'i dan Ibnu Majah].

Ringkasnya, sebagaimana yang disampaikan oleh ath-Thabari, ayat ini bermakna “tidak ada paksaan dalam beragama bagi orang yang halal diterima *jizyah*-nya, dengan membayar *jizyah* serta redha dengan hukum Islam” (Ath-Thabari, *Jami' al-Bayan*, Jilid 3, ms 19).

Selanjutnya Allah SWT berfirman, *Qad tabayyana ar-rusyd min al-ghayy* (sesungguhnya telah jelas jalan yang benar dari jalan yang sesat). Asy-Syaukani dan az-Zuhaili menyatakan, makna *ar-rusyd* dalam ayat ini adalah *keimanan*, sementara kata *al-ghayy* bererti *kekufuran* (Asy-Syaukani, *Fath al-Qadir*, Jilid 2, ms 275). Ditegaskan dalam ayat ini bahawa telah jelas kebenaran dari kebatilan; keimanan dari kekufuran; petunjuk dari kesesatan; yang disebabkan kerana banyaknya bukti dan ayat yang menunjukkannya (Ar-Razi, *At-Tafsir al-Kabir*, Jilid 7, ms 14; al-Khazin, *Lubab al-Ta'wil fi Ma'ani al-Tanzil*, Jilid 1, ms 190). Kemudian Allah SWT memuji orang yang mengimaniNya dan mengingkari *thaghut* dengan firmanNya, *faman yakfur bi ath-thaghut wa yu'min billah* (kerana itu, siapa sahaja yang mengingkari thaghut dan mengimani Allah).

## DISKUSI TERBUKA

### “DIALOG NEGARA ISLAM BERSAMA HIZBUT TAHRIR MALAYSIA (HTM)”

Tarikh: 2 Disember 2012 (Ahad)

Tempat: Auditorium Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
(MBPJ), Petaling Jaya, Selangor

Masa: 9.00 pagi - 1.00 ptg

= Masok Percuma, Muslimin & Muslimat Dijemput Hadir =

Mengenai makna *ath-thagut*, banyak penjelasan yang disampaikan oleh para *mufassirin*. Meskipun tampak berbeza-beza, namun semuanya memiliki kesamaan. Al-Baidhawi memaknai kata *ath-thagut* dengan syaitan, berhala dan segala sembah selain Allah atau yang menghalangi dari penyembahan terhadap Allah. Al-Jazairi juga menjelaskan kata *ath-thagut* sebagai segala sesuatu yang memalingkan dari ibadah kepada Allah SWT, baik dari kalangan manusia, syaitan atau lainnya. Ibnu Katsir juga menegaskan bahawa makna *thagut* adalah syaitan. Hal itu meliputi semua jenis keburukan yang dilakukan oleh orang Jahiliyah, baik menyembah berhala, berhukum kepadanya dan meminta pertolongan kepadanya. Al-Jauhari, sebagaimana dipetik oleh asy-Syaukani dalam tafsirnya, menyatakan bahawa *thagut* adalah dukun, setan dan semua pemimpin kesesatan.

Perlu diperhatikan di sini bahawa pengingkaran terhadap *thagut* didahulukan sebelum keimanan terhadap Allah SWT. Ibnu 'Athiyah menjelaskan, itu menunjukkan kepentingan kewajipan mengingkari *ath-thagut* (Ibnu 'Athiyah, *Al-Muharrar al-Wajiz*, Jilid 1, ms 344). Menurut al-Razi, hal itu mengisyaratkan bahawa orang kafir yang hendak masuk Islam terlebih dulu harus bertaubat dari kekufuran, baru kemudian beriman (Ar-Razi, *At-Tafsir al-Kabir*, Jilid 7, ms 15). Orang yang mengingkari *thagut* dan mengimani Allah dipuji dengan ayat seterusnya, *faqad istamsaka bi al-'urwah al-wutsqa (sesungguhnya ia telah berpegang pada tali yang amat kuat)*. Kata *al-'urwah al-wutsqa* bererti buhul atau tali yang kuat. Dalam konteks ayat ini, kata tersebut merupakan perumpamaan bagi *deen al-Islam*. Ada pula yang menyatakan, kata tersebut adalah perumpamaan bagi iman, al-Quran, atau kalimat *La ilaha illa Allah*. Menurut Ibnu Katsir dan asy-Syaukani, semua makna itu termasuk dalam cakupan kata *al-'urwah al-wutsqa* (Ibnu Katsir, *Tafsir al-Qur'an al-'Adzim*, Jilid 1, ms 286; asy-Syaukani, *Fath al-Qadir*, Jilid 2, ms 276.).

Allah SWT seterusnya berfirman, *la infisama laha (yang tidak akan putus)*; maknanya adalah tidak terputus hingga membawa pelakunya ke syurga. Ini bermakna orang yang berpegang teguh pada agama yang benar, yakni Islam, adalah seperti orang yang berpegang teguh pada suatu tali yang kuat, yang tidak mungkin pecah atau putus (Al-Khazin, *Lubab al-Ta'wil*, Jilid 1, ms 191). Allah SWT kemudian menutup ayat ini dengan firmanNya, *Wallahu Sami' 'Alim* (Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui). Maknanya, siapapun yang memilih kekufuran, semua perkataan dan perbuatan mereka didengar dan dilihat oleh Allah SWT, demikian juga bagi orang yang memilih Islam, Allah Maha Mendengar dan Maha Melihatnya.

### Sikap Terhadap Orang Kafir

Ayat ini sering dicemari oleh kaum Liberal untuk menjustifikasi idea kebebasan beragama (*hurriyah al-'aqidah*). Kewujudan golongan Liberal itu sendiri adalah kerana kebebasan berpendapat tanpa batas yang disediakan oleh demokrasi. Idea puak Liberal ini memandang bahawa manusia memiliki kebebasan penuh dalam beragama di mana manusia bebas memeluk, menentukan, dan berpindah-randah antara agama sesukanya, termasuk juga bebas untuk tidak beragama. Mereka berhujah bahawa kebebasan ini terpakai untuk semua orang termasuk Muslim. Justeru, andai ada seseorang pada hari ini beragama Islam, keesokannya murtad menjadi Kristian, esoknya lagi bertukar ke agama Buddha dan setelah itu berubah menjadi ateis, hal ini boleh sahaja dan sah menurut puak Liberal. Ia tidak boleh dilarang, bahkan tindakannya mesti dianggap sebagai pilihan yang harus dihormati. Potongan ayat ini, *"la ikraha fi al-deen"*, didakwa mereka selaras dengan idea kebebasan yang lahir dari ideologi sekularisme yang diamalkan di bawah sistem demokrasi.

Dakwa tersebut jelas batil. Sebagaimana telah diungkapkan di atas, tiadanya paksaan dalam agama itu hanya dalam konteks orang kafir masuk ke dalam agama Islam yakni orang kafir (selain musyrik Arab) tidak boleh dipaksa untuk masuk Islam. Namun, jika seseorang kafir itu sudah masuk Islam (sudah menjadi Muslim) maka dia tidak boleh lagi keluar atau murtad dari Islam. Jika ia berkeras dengan pendiriannya untuk keluar (murtad) maka ia wajib dijatuhkan hukuman mati, sebagaimana nas hadis di atas. Setiap orang yang memeluk Islam wajib melaksanakan syariat Islam seratus peratus dan syariat Islam menetapkan bahawa jika ia keluar dari Islam, maka ia wajib dibunuh. Hukum syariat ini terpakai kepadanya.

Dalam idea kebebasan beragama, demokrasi mengajar bahawa manusia bebas secara mutlak untuk memilih agama masing-masing di mana kebebasan itu menjadi hak manusia yang tidak boleh diganggu gugat. Tidak ada konsekuensi apa pun atas pilihan seseorang dalam memilih agama, malah tindakan menghukum (apatah lagi hukuman mati) seseorang yang menukar agama dianggap sangat kejam. Sesungguhnya ajaran demokrasi ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Dalam masalah agama (akidah), manusia tidak dibiarkan dan tidak dibenarkan memilih sesuka hatinya. Allah SWT sebagai Pencipta manusia telah memerintahkan setiap manusia untuk memeluk Islam. Perintah Allah tersebut bersifat *jazm* (tegas dan pasti) dan tidak ada pilihan di dalamnya. Siapapun yang memenuhi perintah itu akan mendapat redhaNya, pahala dan syurga. Sebaliknya, siapa sahaja yang mengingkari perintah tersebut akan mendapat murkaNya, dosa dan azab neraka selama-lamanya. Memeluk Islam bukanlah perkara pilihan (dalam erti kata boleh dikerjakan atau tidak) sesuka hati manusia. Ia adalah perintah Allah SWT yang wajib ditaati oleh semua manusia.

Telah maklum bahawa Rasulullah SAW diutus sebagai Rasul terakhir yang membawa risalah Islam untuk seluruh umat manusia tanpa kecuali [lihat Saba' (34):34 dan al-A'raf (7):158]. Sejak saat diutusnya Rasulullah SAW, Allah SWT hanya mengizinkan dan meredhai satu agama sahaja (yang benar) untuk dipeluk oleh umat manusia, iaitu Islam [lihat al-Maidah (5): 3 dan Ali Imran (3):19]. Siapapun yang memeluk agama selain Islam tidak akan diredhai oleh Allah SWT dan Dia menyatakan dengan tegas bahawa Dia tidak akan menerima semua amal orang beragama selain Islam dan di akhirat kelak mereka termasuk orang yang rugi [lihat Ali Imran (3):85]. Di sisi lain, Allah SWT memerintahkan kepada setiap orang yang sudah memeluk Islam untuk tetap menjaga keislamannya (kekul berada dalam agama Islam) hinggalah ke akhir hayatnya [lihat Ali Imran (3):102]. Dalam masa yang sama, Allah SWT mengancam orang-orang yang murtad dari agamanya (Islam) dengan menghapuskan semua amal perbuatannya di dunia dan akhirat serta menyediakan seksa yang amat pedih, iaitu di neraka Jahanam [lihat al-Baqarah (2):217].

Ini semua menunjukkan dengan pasti bahawa Allah SWT tidak memberikan kebebasan kepada manusia untuk memilih agama sesuai dengan keinginannya, tidak kira apa bangsa manusia tersebut, baik Melayu, Cina, India, Arab, Eropah dan sebagainya. Allah SWT telah menetapkan Islam sebagai satu-satunya agama yang *haq*, memerintahkan setiap manusia untuk memeluknya dan akan menjatuhkan hukuman yang berat bagi manusia yang melanggar perintahNya. Apa yang dijelaskan dalam ayat ini (2:256) adalah berkenaan dengan sikap yang wajib dilakukan oleh setiap Muslim terhadap orang kafir, bahawa seseorang Muslim itu tidak boleh memaksa orang kafir untuk masuk Islam. Tiadanya paksaan terhadap orang kafir itu sama sekali tidak mengubah ketentuan (Allah) ke atas mereka yakni wajibnya mereka untuk masuk Islam. Perlu difahami dengan benar bahawa perintah Allah kepada mereka (orang-orang kafir) adalah - wajib masuk Islam. Manakala perintah Allah kepada Muslim adalah - tidak boleh memaksa mereka masuk Islam. Perintah Allah kepada setiap Muslim juga adalah - wajib mendakwahkan mereka untuk masuk Islam.

Perlu difahami juga bahawa tiadanya paksaan itu sama sekali bukan disebabkan semua agama itu sama benarnya sehingga manusia diberi kebebasan memilih agama sesukanya, seperti anggapan kaum Liberal. Kalimat dalam ayat ini *"qad tabayyana al-rusyd min al-ghayy"* memberikan penegasan bahawa paksaan dalam memeluk Islam tidak diperlukan disebabkan kerana kebenaran Islam amat jelas dan terang. Mengomentari ayat ini, Ibnu Katsir berkata, "Janganlah kalian memaksa seseorang untuk masuk Islam kerana telah jelas dan terang dalil-dalil serta bukti-bukti kebenarannya hingga tidak diperlukan lagi paksaan terhadap seseorang untuk masuk ke dalamnya" (Ibnu Katsir, *Tafsir al-Qur'an al-'Adzim*, Jilid 1, ms 285). Apa yang jelas dan pasti adalah, ayat ini tidak ada kaitannya dengan idea kebebasan beragama yang dibawa oleh Barat dan ia bertentangan sama sekali dengan idea kebebasan di bawah ajaran demokrasi! Sesungguhnya manusia itu tidak bebas beragama, tetapi wajib beragama Islam. Idea kebebasan beragama ini sesungguhnya merupakan ajaran demokrasi yang lahir dari idea manusia, yang memisahkan agama dari kehidupan. Demokrasi tidak lain merupakan sebuah konsep dan sistem kufur yang berasal dari Barat yang haram untuk diambil, diterapkan dan disebarluaskan oleh umat Islam. *Wallahu a'lam*.